

# Muhammad Mulqan bin Pandak Hamid

v

# Farizal Hamri bin Hashim

Magistrate's Court, Sungai Siput – Civil Suit No. A73KJ-12-03/2017  
Norhabsarina Ayob mag

[25] **Quantum** – *Upper limb – Closed fracture of left clavicle*

## Date of accident

October 10, 2015

## Date of grounds of judgment

November 7, 2017

## Judgment received

March 21, 2018

## Brief description of plaintiff's injuries

1. Closed fracture of the left clavicle

## Disabilities

1. Fragment of the clavicle attached by fibrous tissue and insufficient to withstand stresses and strains when the left upper limb is used
2. Non-union of the fracture of the left clavicle

## Plaintiff's age

- |                            |   |    |
|----------------------------|---|----|
| (a) As at date of accident | : | NA |
| (b) As at date of hearing  | : | NA |

## Plaintiff's occupation

- |                            |   |                |
|----------------------------|---|----------------|
| (a) As at date of accident | : | Odd job worker |
| (b) As at date of hearing  | : | NA             |

## Plaintiff's earnings

- |                            |   |    |
|----------------------------|---|----|
| (a) As at date of accident | : | NA |
| (b) As at date of hearing  | : | NA |

## Liability

100% against the defendant

1 **Award** (Based on 100% liability)

1. *General damages*

- (a) Closed fracture of the left clavicle  
(Note: The plaintiff suffers from non-union of  
the fracture and the fragment of the clavicle is  
attached by fibrous tissue and insufficient to  
withstand stresses and strains when the left  
upper limb is used) – RM20,000.00
- (b) Pain and suffering during future surgery – RM 5,000.00

2. *Special damages*

- (a) Cost of future surgery – RM 2,000.00  
(b) Loss of earning capacity – RM10,000.00  
(c) Loss of earnings (three months) – RM 3,000.00  
(d) Travelling expenses incurred by the plaintiff  
during outpatient treatment – RM 150.00

**Interest**

- (a) 2.5% per annum on special damages from date of accident until date of  
judgment.
- (b) 5% per annum on general damages from date of service of summons until  
date of judgment.
- (c) 5% per annum on total judgment sum from date of judgment until date  
of full settlement.

**Cases referred to by the court**

*Dharam Singh Dhillon v Ibrahim Shaaban & Anor* [1995] 4 CLJ 207  
*Kek Kee Leng v Teresa Bong Nguk Chin & Anor* [1978] 1 MLJ 61  
*Lee Chin Chye & Anor v Teoh Boon Poh & Anor* [2016] 1 PIR [6], sc  
*Mahat b Jani v Woon Kean Sim & Anor* [2017] 1 PIR [51], sc  
*Micheal a/l Vincent v Mohanraj a/l Sandaran & Anor* [2015] 2 PIR [49], sc  
*Mohammad Fatimi b Rejab v Saw Eng Keong* [2015] 1 PIR [52], sc  
*Nooriant bt Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge* [1990] 2 MLJ 242, HC  
*Vasanthan a/l Subramaniam v Rukumaran a/l Selvaraju & Anor* [2016] 1 PIR [14], mc

**Legislation referred to by the court**

Road Traffic Rules 1959, rule 3(2)(b)

**Other references**

*Compendium of Personal Injury Awards (Revised as at April 17, 2014)*  
RK Nathan, *Nathan on Negligence*, p 95

**Solicitors**

*SV Namasoo and Shabnam Haseena Mohd Hanif (SV Namasoo & Co) for plaintiff  
Sumathi Sivamany (Sivamany & Assoc) for defendant*

**Norhabsarina Ayob mag**

[1] Tuntutan plaintif atas gantirugi terhadap defendan akibat kemalangan jalanraya yang berlaku pada Oktober 10, 2015 jam lebih kurang 12.30 tengah hari di Simpang Empat Taman Orkid, Sungai Siput (U) Perak yang melibatkan motorsikal yang ditunggang plaintif dan motorkar dengan nombor pendaftaran ACT 7199 yang dipandu defendan. Semasa kejadian, plaintif yang menunggang motorsikal No. ABS 3956 dari arah Jalan Dato See Khoon Lim ke Kampung Bahagia telah bertembung dengan motorkar yang dipandu oleh defendan yang datang dari arah Taman Orkid menuju ke Kampung Bahagia.

**Keterangan di mahkamah*****Versi plaintif***

[2] Pada Oktober 10, 2015 semasa plaintif sedang menunggang motorsikal No. ABS 3956 dari arah Jalan Dato See Khoon Lim ke Kampung Bahagia dalam Daerah Sungai Siput, (dari arah atas ke bawah) seperti dalam rajah kasar P1, defendan yang memandu motorkar No. ACT 7199 terus keluar dari simpang sebelah kanan tanpa berhenti. Plainitf cuba untuk menekan brek tetapi tidak sempat dan terlanggar tayar belakang sebelah kiri motorkar.

***Versi defendan***

[3] Semasa defendan sedang memandu motorkar No. ACT 7199 dari Taman Orkid hendak ke balik ke Kampung Bahagia, beliau telah berhenti sebentar di persimpangan jalan sebelum meneruskan perjalanan. Semasa memberhentikan motorkar sekejap, beliau nampak motorsikal plaintif berada agak jauh dan beliau meneruskan perjalanan tetapi berlaku pelanggaran di kedudukan yang ditanda Z oleh defendan di dalam rajah kasar P1.

***Versi kemalangan***

[4] Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan, ternyata terdapat dua versi yang berbeza bagaimana kemalangan ini berlaku. Dalam kedudukan sedemikian, adalah menjadi tugas mahkamah untuk menentukan versi mana yang boleh dipercayai atau yang lebih *probable* semasa memutuskan isu liabiliti.

[5] Mahkamah ini telah merujuk satu kes yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi di dalam *Noorianti bt Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge* [1990] 2 MLJ 242 yang memutuskan:

1 A trial judge should, in considering two conflicting stories, decide which version  
is inherently probable or improbable.

5 [6] Penelitian kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan, adalah  
didapati fakta-fakta berikut tidak dipertikaikan iaitu:

i) Kemalangan melibatkan dua buah kenderaan iaitu motorsikal No. ABS  
3956 yang ditunggang plaintif dengan motorkar yang dipandu oleh  
defendan berlaku di persimpangan jalan menuju ke Kampung Bahagia  
(raja kasar, P1).

10

ii) Penunggang motorsikal No. ABS 3956 telah mengalami kecederaan  
dalam kemalangan tersebut.

[7] Kes kemalangan ini telah disiasat oleh Sarjan Abd Halim bin Mansor  
15 (“SP2”). Keterangan beliau menyatakan, arah perjalanan kenderaan yang  
terlibat iaitu motorsikal No. ABS 3956 adalah dari atas ke bawah berdasarkan  
raja kasar (P1). Manakala motorkar No. ACT 7199 adalah dari kiri ke  
kanan. Ini bermakna kenderaan-kenderaan tersebut adalah dari arah yang  
bertentangan dan berlaku pertembungan di persimpangan. Hasil siasatan,  
20 SP2 telah menyatakan bahawa kerosakan ke atas motorsikal No. ABS 3956  
adalah nombor *plate* depan pecah dan *handle* bengkok. Manakala kerosakan  
bagi motorkar No. ACT 7199 pula adalah *mudguard* sebelah kiri calar.

[8] Semasa disoalbalas peguam pihak defendan telah mencadangkan  
25 bahawa siasatan dan hasil siasatan pada Oktober 16, 2015 adalah prejudis  
kerana tidak mempunyai siasatan yang lengkap memandangkan keputusan  
dibuat tanpa mengambilkira keterangan kedua-dua pihak. Dalam kes ini  
hanya keterangan satu pihak sahaja diambil dan keputusan siasatan telah  
dibuat. Namun, SP2 telah memberikan keterangan bahawa keputusan hasil  
siasatan dibuat berdasarkan keadaan tempat kejadian dan laporan polis yang  
30 dibuat oleh kedua-dua pihak.

[9] SP2 telah memberikan keterangan bahawa beliau telah mengambil  
rakaman percakapan defendan pada Oktober 5, 2017 dan telah mengeluarkan  
saman di bawah *rule 3(2)(b) LN 166/59* terhadap defendan dan defendan telah  
menjelaskan saman tersebut pada Oktober 6, 2017. Namun, peguam defendan  
35 mencadangkan bahawa keputusan siasatan SP2 sebagai pegawai penyiasat  
kes adalah tidak lengkap memandangkan keputusan hasil siasatan dibuat  
pada Oktober 16, 2015 tanpa mengambilkira rakaman percakapan defendan  
yang hanya dibuat pada Oktober 5, 2017. SP2 semasa pemeriksaan semula  
memaklumkan bahawa keputusan hasil siasatan yang diambil terhadap  
40 defendan adalah sama dengan keputusan yang dibuat pada Oktober 16,  
2015. Ini adalah kerana hasil siasatan adalah berasaskan tempat kejadian  
dan laporan polis kedua-dua pihak. Selepas rakaman percakapan defendan

diambil pada Oktober 5, 2017, SP2 memutuskan bahawa keputusan hasil siasatan adalah masih sama. 1

[10] Lanjutan hasil siasatan tersebut sepertimana di dalam keterangannya beliau memaklumkan bahawa dalam kes ini, tindakan saman telah dikeluarkan terhadap defendan (SD1) atas sebab kesalahan cuai semasa keluar simpang. 5

[11] Melalui keterangan plaintif (SP1), jelas menyatakan kemalangan melibatkan motorsikal beliau dengan sebuah motorkar defendan yang datang dari arah kiri hendak masuk ke simpang Taman Orkid ke Kampung Bahagia. Keterangan ini adalah konsisten dengan laporan polis beliau yang ditandakan sebagai eks P2. 10

### Dapatan mahkamah

[12] Mahkamah dalam hal ini telah merujuk kepada kes *Dharam Singh Dhillon v Ibrahim Shaaban & Anor* [1995] 4 CLJ 207 di mana mahkamah telah memutuskan bahawa: 15

when the oral evidence adduced from witness opposed each other, it is necessary to seek assistance from the sketch plan of the scene of accident to ascertain the position if the vehicles involved in the accident in relation to the road, photographs at the portions of vehicle damaged and all the mute evidence to determine which version of the manner in which the accident occurred is inherently probable or improbable. 20

[13] Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi kedua-dua pihak, mahkamah berpendapat bahawa versi plaintif adalah lebih *probable* bagaimana kemalangan ini berlaku. Ini adalah kerana keterangan plaintif adalah konsisten dengan laporan polis yang dibuat oleh beliau. Plaintif di dalam keterangannya dan juga di dalam laporan polis ada menyatakan bahawa beliau menunggang motorsikal dengan kelajuan 20 hingga 30 km/j dan telah cuba mengelak dengan menekan brek namun tidak sempat berbuat demikian. Akibat daripada itu beliau telah melanggar bahagian tayar belakang kiri motorsikal tersebut. 25  
30

[14] Namun begitu adalah menjadi hujahan peguam defendan bahawa kegagalan plaintif untuk mengelak daripada perlanggaran tersebut menunjukkan terdapat sumbang cuai di pihak plaintif sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan. Peguam defendan turut berhujah bahawa defendan melalui keterangannya telah menyatakan bahawa beliau ada berhenti sekejap di persimpangan sebelum meneruskan perjalanan dan telah dilanggar oleh motorsikal plaintif. 35

[15] Mahkamah ini di dalam memutuskan isu tersebut telah merujuk kepada *Nathan on Negligence* oleh Justice Dato' RK Nathan di ms 95 di mana dinyatakan bahawa: 40

1 In a running down case, if it is established that, although the plaintiff was negligent, the defendant could have avoided the collision by the exercise of reasonable care, then it is the defendant's failure to take that reasonable care to which the resulting damage is due, and the plaintiff is entitled to recover.

5 [16] Mahkamah telah merujuk kepada keterangan SD1 di mana sewaktu pemeriksaan balas oleh peguam plaintif dinyatakan seperti berikut:

S: Encik biasa dengan tempat kemalangan?

J: Ya, biasa.

10

S: Tiada halangan penglihatan?

J: Ya, tiada.

S: Encik tahu kena berhenti di simpang sebelum keluar?

15

J: Ya.

S: Tadi encik beritahu ada berhenti sekejap atau bergerak perlahan-lahan dan lihat kiri kanan dan jalan?

J: Berhenti sekejap.

20

S: Rujuk D8, laporan polis encik ada sebut berhenti di simpang?

J: Tiada.

S: Tadi encik kata encik nampak *motor* masih jauh?

J: Betul.

25

S: Saya cadangkan encik silap buat anggaran hari itu jadi kemalangan?

J: Kemungkinan.

S: Setuju saya cadangkan encik telah ambil risiko bila buat anggaran motorsikal masih jauh?

30

J: Setuju.

[17] Mengambil pendekatan prinsip kes di atas, dan setelah meneliti segala keterangan-keterangan saksi, mahkamah memutuskan bahawa defendan boleh mengelakkan kemalangan jika berhenti dan memastikan bahawa adalah selamat bagi beliau untuk meneruskan perjalanan dan bukannya dengan mengambil risiko bahawa perjalanan adalah selamat jika diteruskan. Kegagalan defendan untuk menggunakan tanggungjawabnya secara munasabah (*use his reasonable care*) telah menyebabkan kemalangan tersebut. Mahkamah ini telah merujuk kepada *Kek Kee Leng v Teresa Bong Nguk Chin & Anor* [1978] 1 MLJ 61 di mana mahkamah telah memutuskan bahawa:

40

... the accident was caused solely by the negligence of the second respondent and that the appellant was in no way to be blamed for the collision. Having regard to

the specific findings of the learned judge, the appellant could not reasonably have avoided the consequences of the second respondent's negligence in turning from a side road into a main road without stopping at the junction.

[18] Justeru itu, atas imbalan kebarangkalian, mahkamah memutuskan bahawa defendan adalah bertanggungjawab terhadap kemalangan ini dan diputuskan liabiliti tanggungan adalah defendan bertanggungjawab sebanyak 100%.

### **Kuantum (pada kadar 100% liabiliti)**

#### *Gantirugi am*

[19] Dalam menentukan jumlah award yang wajar dibenarkan, mahkamah merujuk kepada laporan perubatan plaintif daripada hospital kerajaan dan hospital pakar. Mahkamah merujuk kepada laporan perubatan di ms 14-16 yang dikemukakan sebagai eks P3A-C, ikatan dokumen plaintif yang ditandakan sebagai bundle A bertarikh November 11, 2015 dari Hospital Sungai Siput dan laporan perubatan di ms 17-29 yang dikemukakan sebagai eks P4, juga di bundle A bertarikh Januari 5, 2017 dari Perak Community Specialist Hospital, Ipoh Perak.

[20] Berdasarkan laporan perubatan di atas, plaintif telah mengalami kecederaan berikut:

*i) Closed fracture of the left clavicle with fracture at the midshaft of the clavicle has not united. The fragment of the clavicle will be attached by fibrous tissue. This is insufficient to withstand stresses and strains when the left upper limb is used.*

[21] Plaintif berhujah bahawa kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah di bahagian atas lengan kiri di mana plaintif dalam keterangannya ada menyatakan keupayaan untuk menggunakan tangan kiri tidak lagi seperti sebelum kemalangan dan berasa sakit sekiranya ingin tidur mengiring ke sebelah kiri. Justeru, plaintif berhujah bahawa RM25,000.00 bagi kecederaan ini adalah satu award yang munasabah. Plaintif telah merujuk kepada kes *Micheal a/l Vincent v Mohanraj a/l Sandaran & Anor* [2015] 2 PIR [49] dan *Mahat b Jani v Woon Kean Sim & Anor* [2017] 1 PIR [51] yang mana mahkamah telah membenarkan award RM25,000.00 bagi kecederaan ini.

[22] Manakala, defendan berhujah bahawa RM18,000.00 adalah adil dan munasabah kerana berdasarkan laporan pakar kecederaan ini adalah *fracture clavicle not united* tetapi keupayaan otot lengan atas di bahagian kiri adalah *normal* dan tiada bukti menunjukkan bahawa plaintif merupakan seorang kidal (*left handed* atau *left hand dominant*) dan defendan telah merujuk kepada kes *Vasanthan a/l Subramaniam v Rukumaran a/l Selvaraju & Anor* [2016] 1 PIR [14], *Lee Chin Chye & Anor v Teoh Boon Poh & Anor* [2016] 1 PIR [6] dan *Mohammad Fatimi b Rejab v Saw Eng Keong* [2015] 1 PIR [52] ialah antara RM15,000.00 hingga RM20,000.00.

1 [23] Mahkamah setelah meneliti hujahan pihak-pihak serta otoriti-otoriti yang dikemukakan, dan mahkamah ini turut merujuk kepada *Compendium of Personal Injury Awards (Revised as at April 17, 2014)* di mana kecederaan yang melibatkan *clavicle and shoulder award* yang dicadangkan adalah di antara  
5 *RM11,000.00 hingga RM27,500.00* dan mahkamah ini berpendapat award sebanyak *RM20,000.00* sebagai jumlah yang wajar bagi kecederaan yang dialami oleh plaintif memandangkan kecederaan tersebut telah menyebabkan beliau hilang upaya untuk bekerja dengan bebanan yang lebih daripada sebelum kemalangan.

10 [24] Berkenaan dengan hujahan bagi tuntutan "*pain and suffering to undergo future operations*", peguam plaintif berhujah bahawa kedua-dua pakar telah menyatakan berkenaan dengan kos pembedahan masa hadapan untuk memulihkan kecederaan tersebut. Oleh yang demikian, award sebanyak *RM5,000.00* adalah munasabah bagi tuntutan ini. Walaubagaimanapun,  
15 adalah menjadi hujahan peguam defendan ianya adalah tidak wajar memandangkan tiada mana-mana keterangan daripada plaintif bahawa beliau ingin meneruskan rawatan untuk pembetulan kecederaan tersebut. Oleh yang demikian tuntutan tersebut harus ditolak.

20 [25] Bagi tuntutan ini, mahkamah berpendapat tuntutan yang dibuat adalah wajar diberikan atas alasan, plaintif mempunyai hak untuk meneruskan rawatan bagi pembetulan kecederaan tersebut memandangkan ianya telah menjadi satu beban baginya untuk meneruskan kehidupannya seperti sedia kala. Walaupun tiada keterangan secara jelas oleh plaintif bahawa beliau ingin  
25 menjalani rawatan pembedahan pada masa akan datang, beliau tidak boleh dinafikan hak tersebut. Adalah jelas melalui keterangan beliau menghadapi kesukaran dengan kecederaan yang dialaminya. Oleh yang demikian mahkamah membenarkan tuntutan ini sebanyak *RM5,000.00*.

### *Gantirugi khas*

30 [26] Bagi gantirugi khas, mahkamah telah merekodkan semua gantirugi khas yang dituntut dan dipersetujui seperti berikut:

<i>No. Item</i>	<i>Dituntut/dipersetujui</i>
35 (b) Perbelanjaan plaintif semasa menjalani rawatan sebagai pesakit luar	RM150.00
(f) Dokumen-dokumen	Ditarik balik

40 *i. Kehilangan pendapatan (tiga bulan)*

[27] Plaintif berhujah award sebanyak *RM3,600.00* wajar diberikan memandangkan kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah serius



sepertimana yang dinyatakan dalam laporan pakar. Peguam defendan juga telah gagal mencabar keterangan plaintif secara spesifik bahawa beliau bekerja pada masa kemalangan. Oleh yang demikian, mahkamah seharusnya menerima keterangan tersebut.

[28] Manakala, peguam defendan berhujah bahawa tuntutan kehilangan pendapatan harus ditolak memandangkan plaintif tidak dapat membuktikan secara kukuh bahawa beliau bekerja dengan SP3 sewaktu kemalangan. SP3 juga telah gagal mengemukakan bukti untuk menyokong keterangan bahawa beliau ada menjalankan perniagaan sewaktu plaintif ditimpa kemalangan.

[29] Mahkamah setelah meneliti hujahan pihak-pihak berpendapat walaupun tiada bukti dokumentari bahawa plaintif bekerja dengan SP3 dan jumlah pendapatan yang diterima, adalah jelas melalui keterangan lisan plaintif beliau bekerja (*odd job worker*) dan orang yang selalu memanggilnya bekerja adalah SP3 dan dibuktikan oleh SP3 bahawa beliau membuka perniagaan secara kecil-kecilan iaitu bengkel kereta di rumah beliau dan akan memanggil SP1 bekerja. Keterangan bahawa plaintif tidak bekerja semasa kemalangan tidak dicabar secara keseluruhan oleh defendan.

[30] Oleh yang demikian mahkamah membenarkan tuntutan sebanyak RM3,000.00 sebagai jumlah yang wajar bagi kehilangan pendapatan selama tempoh tiga bulan memandangkan tiada bukti jelas menunjukkan jumlah pendapatan tetap yang diterima oleh plaintif.

*ii. Kehilangan keupayaan mencari pendapatan (loss of earning capacity)*

[31] Bagi tuntutan ini, peguam plaintif berhujah bahawa award sebanyak RM20,000.00 wajar dibenarkan bagi tuntutan ini. Keterangan berkenaan keupayaan ini turut disokong oleh laporan perubatan oleh pakar-pakar plaintif dan defendan.

[32] Walaubagaimanapun, peguam defendan berhujah bahawa tuntutan ini tidak wajar dibenarkan memandangkan tuntutan bagi kehilangan pendapatan perlu dibuktikan secara kukuh terlebih dahulu.

[33] Mahkamah setelah meneliti hujahan pihak-pihak serta menggunakan dapatan bagi isu kehilangan pendapatan di atas memutuskan untuk membenarkan sebanyak RM10,000.00 sebagai satu jumlah yang wajar dibenarkan.

*iii. Kos pembedahan masa hadapan*

[34] Bagi tuntutan ini, peguam plaintif berhujah bahawa award sebanyak 1/3 daripada RM8,000.00 wajar dibenarkan bagi tuntutan ini. Keterangan berkenaan keupayaan ini turut disokong oleh laporan perubatan oleh pakar-pakar plaintif dan juga defendan.

1 [35] Manakala peguam defendan berhujah bahawa tiada dalam mana-mana  
keterangan plaintif bahawa beliau ingin menjalani pembedahan pada masa  
hadapan untuk pembetulan kecederaan yang dialami beliau. Oleh yang  
demikian tuntutan ini wajar ditolak.

5 [36] Mahkamah berpendapat tuntutan yang dibuat adalah wajar diberikan  
atas alasan, plaintif mempunyai hak untuk meneruskan rawatan bagi  
pembetulan kecederaan tersebut memandangkan ianya telah menjadi satu  
beban baginya untuk meneruskan kehidupannya seperti sedia kala. Walaupun  
10 tiada keterangan secara jelas oleh plaintif bahawa beliau ingin menjalani  
rawatan pembedahan pada masa akan datang, beliau tidak boleh dinafikan  
hak tersebut. Adalah jelas melalui keterangan beliau menghadapi kesukaran  
dengan kecederaan yang dialaminya. Oleh yang demikian mahkamah  
membenarkan tuntutan ini sebanyak *RM2,000.00*.

15 [37] Keseluruhan gantirugi khas yang dibenarkan adalah sebanyak  
*RM15,150.00*.

[38] Mahkamah telah membenarkan faedah atas gantirugi am dan jumlah  
penghakiman sebanyak 5% setahun dan faedah sebanyak 2.5% setahun atas  
gantirugi khas seperti kelaziman. Kos adalah mengikut skala.

20 [39] Dan telah dipersetujui oleh pihak-pihak agar jumlah wang penghakiman  
dibayar ke dalam akaun pelanggan Tetuan SV Namasoo & Co dengan akujanji  
dibayar kepada plaintif.

25

30

35

40